

# BN dijangka rumus wawasan lebih jitu

UM 7 JUL 2001

Oleh ISMAIL DAUD

**K**UALA LUMPUR 6 Julai - Konvensyen Barisan Nasional (BN) esok dijangka merumuskan satu pendekatan baru di samping menggariskan wawasan lebih jitu bagi berdepan dengan cabaran politik semasa yang semakin mencabar.

Konvensyen BN ke-4 yang bertemakan *BN Tonggak Keutuhan Negara* itu dilihat amat penting berikutan kemelut politik dan pelbagai masalah dalam beberapa komponen BN yang berlaku sejak akhir-akhir ini.

Selain itu, beberapa cabaran mendatang terutama pilihan raya negeri Sarawak dan pilihan raya kecil Likas juga memerlukan satu strategi mantap untuk BN mengekalkan kuasa.

Setiausaha BN, Tan Sri Mohamed Rahmat turut menjangka Pengerusi BN, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad akan memfokuskan kepada peranan

dan hala tuju baru BN dalam ucapan dasarnya esok.

Malah, Dr. Mahathir dalam perutusannya sempena konvensyen itu membayangkan fokus amanatnya esok dengan menggesa parti-parti komponen supaya tidak menghampakan harapan rakyat.

Katanya, perjuangan BN untuk membina masa depan yang lebih gemi-

lang masih belum dapat dicapai dan perlu diteruskan dengan usaha yang lebih gigih.

Bagi parti-parti komponen BN, konvensyen kali pertama sejak BN memenangi pilihan raya umum tahun 1999 itu adalah peluang untuk mereka menyampaikan pandangan ke arah memperkasakan BN.

## Pandangan

Oleh kerana pakatan BN merangkumi semua kaum dan masyarakat di negara ini, kesempatan di konvensyen esok harus dijadikan medan untuk melontarkan idea supaya jentera BN bergerak mengikut kehendak rakyat.

Menurut Mohamed Rahmat, BN perlu lari dari anggapan bahawa parti itu tidak lebih dari sebuah parti politik semasa pilihan raya atau merebut kuasa sahaja.

"Sebagai parti yang mendapat mandat penuh rakyat untuk memerintah, kita patut jadikan

BN parti yang kukuh," katanya.

Ini sejajar dengan pendirian Dewan Tertinggi BN yang memutuskan supaya setiap isu membabitkan kepentingan bersama parti-parti komponennya tidak lagi ditangani secara bersendirian mulai sekarang.

Katanya, konvensyen itu diharap akan menjadi pembuka jalan bagi jentera BN peringkat negeri dan kawasan Parlimen digerakkan dengan lebih cergas sepanjang masa dan melibatkan isu-isu bersama.

Dalam pada itu, konvensyen esok pastinya menjadi tumpuan parti-parti pembangkang untuk mengorek rahsia kejayaan dan kekukuhan BN selama ini.

Resipi dan strategi BN mungkin sudah tidak menjadi rahsia lagi tetapi apa yang penting, kejayaan pelaksanaan formula adalah kejayaan sebenar BN selama ini.